

**RADIO MALAYSIA SABAH: PENYAMPAIAN MESEJ PEMBANGUNAN, PERPADUAN  
ETNIK/KAUM DAN INTREGRASI NASIONAL DI DAERAH  
KOTA KINABALU DAN KOTA BELUD SABAH**

**Mahat Jamal  
Abdul Rashid Salleh**

Kajian ini cuba mengenalpasti persepsi pendengar radio Sabah FM di Daerah Kota Kinabalu dan Daerah Kota Belud terhadap penyampaian mesej-mesej pembangunan, perpaduan etnik dan kaum dan integrasi nasional yang disiarkan melalui Sabah FM dan Sabah VFM. Sebanyak 780 responden telah ditemubual dalam tempoh satu bulan yang terdiri dari 387 responden di Daerah Kota Kinabalu dan 393 di Daerah Kota Belud. Penemuan kajian menunjukkan siaran puncak waktu pagi Segar Sabah fm, (6.00 pagi sehingga 10 pagi) menyiarkan mesej pembangunan sebanyak 48.7% berbanding 51.3% yang menyiarkan bahan lain. Bagi elemen perpaduan kaum/etnik pula, 55.7% responden bersetuju wujud siaran elemen berkenaan dalam segmen yang sama berbanding dengan 44.3% yang tidak bersetuju. Bagi elemen integrasi nasional pula sebanyak 46.6% responden bersetuju elemen berkenaan disiarkan dalam Segar Sabah fm berbanding dengan 53.4% yang berpendapat sebaliknya. Bagi Sabah VFM pula, kesemua siaran bahasa Dusun, Kadazan, Bajau, Murut, Cina dan Inggeris juga di dapati menyiarkan mesej-mesej pembangunan, perpaduan kaum/etnik di peringkat sederhana. Siaran Sabah FM perlu bersifat kreatif dalam menyiarkan mesej-mesej berbentuk pembangunan, perpaduan dan intregasi kaum dan wilayah kerana pendengar masa kini, khususnya belia lebih cenderung mendengar radio lain.

**Kata Kunci:** *Pembangunan, perpaduan, intregasi nasional, Sabah FM, Sabah VFM*

## **PENGENALAN**

### **1.1 Peranan Radio Dalam Pembangunan Negara**

Ciri-ciri radio mudah diperolehi, pantas dan ringkas (Robert McLesh, 2002) menjadikannya ia digunakan sebagai alat mendapatkan hiburan, maklumat, berita dan pendidikan. Di Malaysia pada mulanya siaran radio digunakan sebagai alat propaganda anti komunis, tetapi kemudian setelah itu, ia terus digunakan untuk menghebahkan rancangan-rancangan pembangunan (Karthigesu, 1990). Sebagai media massa, radio merupakan salah satu saluran komunikasi yang efektif dalam mempromosi pembangunan dan dalam mencapai matlamat negara (Guimary, 1974) dan apabila seseorang bercakap mengenai peranan media massa dalam pembangunan, kebanyakan merujuk kepada radio (Jamison dan McAnny, 1978). Dalam negara-negara membangun seperti Latin Amerika, Afrika dan India, radio digunakan begitu meluas (Roger, 1983).

Fungsinya bukan sahaja sebagai penyampai maklumat, malah lebih dari itu sebagai agen pembangunan dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, politik, sosial nilai dan budaya (Habermas, 1962). Pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan wajar diraikan oleh masyarakat umum dan kerana rancangan radio mampu mewujudkan hubungan erat di antara pihak-pihak berkuasa dengan rakyat (Sulaiman Masri, 1983).

### **1.2 Radio Malaysia Sabah**

Radio Malaysia Sabah, salah satu daripada 32 stesen Radio Televisyen Malaysia (RTM) mula beroperasi secara rasmi pada tahun 1955 dikenali sebagai Radio Sabah, sebelum bertukar menjadi Radio Malaysia Sabah pada 16 September 1963 sempena pembentukan Malaysia. Bermula dengan hanya satu rangkaian, berkongsi empat bahasa (Melayu, Inggeris, Kadazan & Cina) di awal penubuhannya, kini Radio Malaysia Sabah mempunyai lima saluran iaitu Sabah FM, Sabah *Variety* FM (Sabah VFM), Sandakan FM, Tawau FM dan Keningau FM. Kedua-dua Sabah FM dan Sabah VFM yang beroperasi dari Kota Kinabalu selama 24 jam sehari semalam boleh diikuti di seluruh Sabah. Sabah FM menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya, sementara Sabah VFM menggunakan bahasa-bahasa etnik terbesar di Sabah (Dusun, Kadazan, Bajau dan Murut) di samping bahasa Inggeris dan Cina. Sandakan FM (ditubuhkan pada 2 Mei 1986) meliputi Bahagian Sandakan bersiaran selama 12 jam sehari juga menggunakan Bahasa Malaysia dan begitu juga Tawau FM (di rasmikan pada 31 Ogos 1987), yang liputan siarannya tertumpu di Bahagian Tawau dan bersiaran selama 12 jam sehari juga bersiaran dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya. Keningau FM pula yang ditubuhkan pada 1 Januari 2009, bersiaran 10 jam sehari dalam bahasa Dusun, Murut dan Bahasa Malaysia. Bagaimanapun kajian ini banyak tertumpu kepada fungsi Sabah FM dan Sabah VFM sahaja.

Pada dasarnya matlamat Radio Malaysia Sabah tertumpu kepada mempromosi, meguar-uar dan memberi liputan dasar, peranan, program dan akitivi-aktiviti kerajaan dan agensi-agensinya agar dapat difahami oleh masyarakat awam. Antara matlamat dan tanggungjawab RTM adalah untuk (1) Menerangkan secara mendalam dasar dan rancangan kerajaan dengan mengadakan liputan yang seluas-luasnya bagi membolehkan rakyat memahami dengan tepat dasar-dasar dan rancangan-rancangan kerajaan; (2) Menggalakkan perhatian rakyat dan cara mereka berfikir bagi melahirkan perubahan sikap yang sejajar dengan kehendak dan dasar-dasar kerajaan; (3) Membantu mewujudkan perpaduan kebangsaan melalui Bahasa Malaysia dan memupuk satu kebudayaan nasional di kalangan masyarakat berbilang kaum dan (4) Mengadakan

bahan-bahan yang sesuai untuk ilmu pengetahuan, penerangan dan hiburan (Jaafar Kamin, 1979).

Sabah FM sebagai tonggak utama Radio Malaysia Sabah menggalas tanggungjawab sebagai media rasmi kerajaan, bersiaran dalam enam segmen - *Segar Sabah fm* (6.00-10.00 pagi); *Ekspresi Sabah fm* (10.00 pagi -12.00 tengah hari); *Bah Ngamlah Tu* (2.00-6.00 petang); *Simfoni Sabah fm* (6.00 petang - 9.00 malam); *Varia Sabah fm* (9.00 malam -12.00 tengah malam) dan siaran *Automasi* (12.00 tengah malam - 6.00 pagi) yang dikendalikan oleh sistem komputer tanpa DJ bertugas. Sila lihat Jadual 1.

**Jadual 1:** Segmen Sabah FM

Segmen	Masa	Pendengar Sasar	Pengisian
Segar Sabah fm	0600-1000	Umum	Berita, informasi & hiburan
Ekspresi Sabah fm	1000-1400	Suri rumah/Umum	Berita, informasi & hiburan
Bah NgamlahTu	1400-1800	Umum/ Peladang/Petani	Berita, informasi & hiburan (Loghat Sabah)
Simfoni Sabah fm	1800-2100	Umum/Wanita	Kebudayaan & agama
Varia Sabah fm	2100-0000	Umum/Belia	Berita, informasi & hiburan
Siaran Automasi	0000-0600	Umum/PekerjaSyif/Pelajar	Informasi & hiburan

### 1.3 Sabah VFM

Sabah VFM pula menyiarkan siaran pelbagai bahasa seperti *Kadazan* (4.30-9.00 pagi); *Mandarin* (9.00 pagi-12.00 tengah hari); *Inggeris* (12.00 tengah hari-3.00 petang); *Bajau Pantai Barat* (3.00-6.00 petang & 4.00-4.30 pagi); *Bajau Pantai Timur* (6.00 petang-7.00 malam); *Murut* (7.00-9.00 malam & 3.00-4.00 pagi) dan *Dusun* (9.00 malam-1.00 pagi). Jadual Sabah VFM adalah seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2:** Segmen Sabah VFM

Bahasa	Waktu	Jumlah Jam	Pengisian
Inggeris	0100-0300* 1200-1500	5	Berita, Maklumat & Hiburan
Murut	0300-0400* 1900-2100	3	Berita, Maklumat & Hiburan
Dusun	0000-0100* 2100-0000	4	Berita, Maklumat & Hiburan
Bajau	0400-0430* 1500-1900	4½	1500-1800 (Bajau Pantai Barat ) 1800-1700 (Bajau PantaiTimur)
Kadazan	0430-0600* 0600-0900	4½	Berita, Maklumat & Hiburan
Cina	0900-1200	3	Berita, Maklumat & Hiburan

\* Siaran automasi

#### **1.4 Tujuan artikel ini ialah untuk:**

- a) Untuk mengenalpasti pendekatan Radio Malaysia Sabah dalam mengutarakan mesej pembangunan, perpaduan etnik/kaum dan integrasi nasional.
- b) Untuk mengetahui tahap pemahaman pendengar terhadap konsep pembangunan, perpaduan kaum/etnik dan integrasi nasional
- c) Untuk menganalisis persepsi keberkesanan siaran Radio Malaysia Sabah dalam usaha menyampaikan elemen mesej pembangunan, perpaduan etnik/kaum dan integrasi nasional.

#### **1.5 Definisi Konsep**

##### **a) Pembangunan**

Elemen pembangunan dalam siaran Radio Malaysia Sabah merupakan salah satu variabel penting dalam kajian ini. Pembangunan dari segi falasafahnya adalah perubahan ke atas kemanusiaan sejagat (Philip McMichael, 2004). Perubahan yang berlaku secara menyeluruh dan mendadak dikenali sebagai perubahan "paradigma". Menurut Toffler (1991) gelombang perubahan yang melanda dunia berlaku dalam tiga fasa iaitu revolusi pertanian, revolusi industri dan revolusi maklumat/informasi. Pembangunan juga merupakan kemajuan pelbagai sektor dan bidang dan tidak tertumpu kepada kemajuan dalam bidang ekonomi sahaja (Kambhampati, 2004). Secara mudahnya pembangunan ialah proses perubahan daripada peringkat kurang maju kepada peringkat yang lebih maju sama ada dalam aspek pemikiran manusia ataupun aspek fizikal atau persekitaran (Mohd Koharuddin, 2005).

Bagi meguar-uarkan perubahan dan pembangunan, radio merupakan medium penyampai maklumat yang mampu berperanan menjadi agen perubahan dan sosialisasi (Singhal dan Rogers, 1999).

##### **b) Perpaduan Etnik/Kaum**

Elemen kedua dalam kajian ini ialah perpaduan etnik/kaum yang sangat relevan dalam masyarakat majmuk Malaysia umumnya dan di Sabah khususnya. Perpaduan ialah proses menyatupadukan masyarakat supaya setiap anggotanya dapat membangunkan identiti dan nilai-nilai bersama (Hazman Hassan, 2012). Di Malaysia perpaduan kaum sewajarnya merujuk kepada kepelbagaian etnik yang wujud dengan semangat slogan "kesepaduan dalam kepelbagaian" (*unity in diversity*) mengiktiraf kepelbagaian di kalangan anggotanya. Etnik pula menurut Max Weber, adalah *human groups that*

*entertain a subjective belief in their common descent of similarities of physical type or customs or of both or because of memories of colonization or migration* (Guibernau, Monsterral & John Rex, 1999:2). Dengan demikian terdapat perbezaan antara kelompok ras dan etnik di mana kelompok ras berdasarkan ciri-ciri biologi sedangkan kelompok etnik berdasarkan ciri-ciri budaya (Ismail Yusoff, 2012). Yang dimaksudkan budaya adalah seperti adat istiadat resam, kepercayaan, mitos dan simbol-simbol yang dimiliki mereka. Berdasarkan penerangan di atas, jelaslah bahawa kaum, suku kaum, ras dan bangsa yang sering digunakan oleh media massa sekarang merujuk kepada perkara yang sama iaitu "etnik" (Ismail Yusoff, 2012). Misalnya, kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India di Semenanjung Malaysia; masyarakat Kadazan, Dusun, Bajau, Murut dan pribumi lain di Sabah; Iban, Bidayuh, Melanau suku kaum bumiputera di Sarawak merujuk kepada etnik-etnik yang terdapat di Malaysia. Perpaduan di antara kaum etnik ini sangat penting dalam usaha menyokong dan mendukung aspirasi negara bagi merealisasikan Wawasan 2020 berdasarkan perpaduan dan konsep 1Malaysia. Dalam hal ini juga radio dilihat sebagai alat perpaduan yang dapat menyatupadukan pelbagai suku kaum dan siaran radio yang menggunakan bahasa daerah, justeru berkesan kepada penduduk setempat (Paredes 1976).

### **c) Integrasi Nasional**

Integrasi Nasional pula adalah proses mewujudkan identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam suatu unit politik (Hazman Hassan, 2012). Integrasi merupakan pilihan untuk meraih keharmonian antara rakyat, serta pilihan terhadap masa hadapan untuk generasi masa akan datang. Integrasi juga berteraskan kemahuan untuk menerima tuntutan-tuntutan Perlembagaan Persekutuan serta saling hormat-menghormati antara majoriti dan minoriti (Chew Fong Peng, 2009).

## **KAJIAN LEPAS**

Kajian fungsi radio terhadap perpaduan negara dan pembangunan telah dibuat oleh ramai pengkaji. Salah satunya ialah kajian Eunice Kijana, 2012 terhadap dua stesen radio, Kameme FM (Etnik Kikuyu) dan Ramogi FM (Etnik Luo) di Kenya Afrika, menggunakan bahasa etnik yang boleh difahami oleh kebanyakan rakyat Kenya. Borang soal selidik diedarkan kepada 100 responden yang dipilih secara rawak dan 80 daripada mereka telah mengisi borang dengan lengkap. Selain kaedah soal selidik, pengkaji juga membuat

temubual pihak pengurusan stesen-stesen radio tersebut di samping membuat analisis kandungan terhadap rancangan pembangunan dan bual bicara yang telah disiarkan selama satu minggu.

Isu perpaduan tidak diberi penekanan sewajarnya oleh kedua-dua stesen radio etnik berkenaan. Dapatan menunjukkan hanya satu pertiga (36%) daripada 100 responden merasakan telah mempelajari sesuatu mengenai komuniti etnik lain yang terdapat di Kenya. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 39% tidak mempelajari sesuatupun mengenai etnik lain di Kenya sementara yang ada mempelajari sedikit atau terlalu sedikit mendapat skor tinggi, 75%. Malahan lebih separuh (66%) daripada responden berpendapat kedua-dua radio etnik berkenaan harus banyak mempromosikan soal-soal etnik dan kebudayaan. Hanya 39% bersetuju siaran kedua-dua stesen radio tersebut menggalakkan elemen perpaduan negara berbanding 61.1% berpendapat sebaliknya. Sebanyak 83% responden merasakan mereka lebih banyak mengetahui mengenai komuniti lain jika mendengar siaran radio etnik pilihan sendiri. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua radio etnik berkenaan lebih banyak menonjolkan soal-soal etnik dan kebudayaan, berbanding usaha menggalakkan perpaduan nasional di kalangan rakyat di Kenya.

Pembangunan dilihat oleh pengkaji dari pelbagai perspektif. Ini termasuklah pembangunan pendidikan, alam sekitar, pertanian, kesihatan, politik, keluarga, ekonomi, belia, kebajikan, hiburan dan sukan dan kerohanian. Dapatan seterusnya menunjukkan bahawa pembangunan politik banyak disiarkan oleh kedua-dua radio Kameme FM dan Ramogi FM dengan skor responden, 57.4%, diikuti oleh hiburan dan sukan (55.9%); belia (48.3%); kesihatan (47.5%); kebajikan (44.1%); pendidikan (45%); keluarga (40%); pertanian (38.3%); alam sekitar (36.7%); kerohinan (37.7%) dan ekonomi (23%).

Satu lagi kajian radio sebagai alat komunikasi pembangunan telah dibuat oleh Sawaluddin Anis terhadap khalayak Radio 3 Pulau Pinang pada tahun 1992. Seramai 150 responden di dua kawasan perumahan yang berasingan terdiri daripada pelbagai kaum dalam lingkungan umur 21 hingga 40 tahun ditemu bual. Dapatan menunjukkan sebahagian besar daripada responden (84.3%) mengikuti Radio 3 Pulau Pinang untuk mendapatkan maklumat dan hiburan, mengisi masa lapang (62%), meminati rancangan (43.%) dan meminati juruhebah (36.4%). Di antara rancangan-rancangan yang diminati ialah Segmen Suri 10-12 (67.8%), Segmen Mutiara 2-5 (72.3%) dan hiburan (87.2%).

Segmen yang berbentuk interaktif menarik minat dan penglibatan ramai pendengar. Dengan menggunakan telefon, pendengar boleh mengemukakan soalan, pandangan berhubung sesuatu isu untuk dijelaskan oleh tokoh-tokoh jemputan, seperti pegawai-pegawai jabatan-jabatan tertentu, tokoh-tokoh politik atau ustaz yang dijemput menjadi

tetamu sesuatu rancangan. Liputan peristiwa semasa juga diminati responden. Bagi responden wanita, lebih berminat perkara-perkara berkaitan permasalahan wanita seperti kesihatan, kecantikan dan persolekan, rumah tangga, resepi-resepi masakan dan sebagainya. Pendekatan interaktif yang diamalkan oleh Radio 3 Pulau Pinang membuka ruang untuk membincangkan pelbagai topik termasuklah elemen perpaduan dan pembangunan negara untuk dihuraikan oleh tokoh-tokoh jemputan.

Cara penyampaian Juruhebah, juga diminati responden namun demikian ada di antara juruhebah yang lebih diminati ramai daripada yang lain. Responden juga menyarankan agar persembahan dan penyampaian Juruhebah seharusnya perlulah ringkas, mudah dan padat, tidak terlalu lama ketika bercakap di samping lebih kerap diselang-selikan dengan lagu-lagu hiburan. Selain daripada itu penyampai juga haruslah membuat penyelidikan terhadap sesuatu topik sebelum bersiaran supaya proses komunikasi berjalan lancar dan dapat memberikan manfaat kepada pendengar.

Radio juga mempunyai pelbagai fungsi mengikut keutamaan dan keperluan sesebuah negara. Di India, radio digunakan untuk mendidik masyarakat luar bandar termasuk latihan kepada para petani dan mereka yang buta huruf (Varghese, 1981). Di Filipina, radio dan media massa memberi perkhidmatan pembangunan melalui peranannya sebagai mengesahkan sesuatu rancangan pembangunan di samping memberi sokongan moral terhadap rancangan berkenaan; bertindak sebagai "guru" dalam menyebarkan ilmu pengetahuan dan teknologi baru; sebagai pemangkin bagi mengubah sikap dan tingkah laku masyarakat secara positif di samping sebagai saluran bagi menangani tekanan yang wujud akibat sesuatu perubahan (Songca, 1978). Di Malaysia, radio banyak digunakan untuk mempromosi pembangunan dan mencapai matlamat negara (Guimary, 1974). Di Kanada pula, radio masih menjadi pilihan utama untuk komunikasi wilayah, seiring dengan kemudahan internet melalui pelbagai penerbitan rancangan termasuk forum dan perbincangan yang bertindak sebagai alat membantu pembinaan kawasan wilayah dan pengurusan rentas sempadan (Veleria, 2009).

## **KAEDAH PENYELIDIKAN**

Kaedah penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan borang selidik sebagai instrumen kajian. Kajian deskriptif ini melibatkan 780 responden ditemubual/mengisi borang kaji selidik dalam tempoh kajian sebulan (27 Julai-30 Ogos 2015) yang terdiri daripada 387 responden di Daerah Kota Kinabalu dan 393 di Daerah Kota Belud. Jumlah penduduk keseluruhan Daerah Kota Kinabalu ialah 462,963 orang dan Daerah Kota Belud ialah 93,180 orang (Jabatan Perangkaan, 2010). Jumlah ini memenuhi formula Krejcie dan Morgan (1970) di mana jika jumlah populasi sejumlah 1000,000 sampelnya adalah seramai 384 orang.

Ujian rintis telah dibuat ke atas 50 responden di sekitar Daerah Kota Kinabalu pada 4 Julai 2015 dimana beberapa responden memberi pandangan dan cadangan terhadap borang selidik yang disediakan. Pengubahsuaian dan penambahbaikan telah dibuat ke atas beberapa soalan mengambilkira maklum balas dan pandangan daripada responden.

Borang soal selidik terdiri daripada 36 soalan dalam tiga bahagian berbentuk skala Likert, ordinal dan nominal. Bahagian A, demografi mengandungi 9 soalan, Bahagian B, Pola Pendengaran Radio (7 soalan), Bahagian C siaran Sabah FM (7 soalan) dan Bahagian C siaran Sabah VFM (8 soalan) dan 5 soalan terbuka. Data diproses menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS).

## **DAPATAN**


### **1.6 Demografi**

#### *a) Etnik*

Daripada sejumlah 780 responden 47.8% adalah lelaki dan 52.2% perempuan. Yang telah berkahwin 56% dan 44 % masih bujang. Dari segi etnik 36.3 % kaum Bajau, Dusun 28.2%, Kadazan 4.5%, Iranun 8.5%, Cina 12.4% Melayu 6.5%, India 1.0% dan lain-lain 1.9% seperti dalam Rajah 1.



**Rajah 1:** Jumlah Responden Mengikut Etnik ( $n=780$ )



*b) Umur*

Sebanyak 34.2% responden berumur 31- 40 tahun, mereka yang berumur 27- 30 tahun (23.9%), 24-26 tahun (15.1%), 19-23 tahun (10.9%), 41 tahun ke atas (10.8%) dan 18 tahun ke bawah, 5.1% seperti dalam Jadual 3.


**Jadual 3:** Umur Responden ( $n =780$ )

Umur	Bilangan	Peratus
18 Tahun ke bawah	40	5.1
19 - 23 tahun	85	10.9
24-26 tahun	118	15.1
27-30 tahun	186	23.9
31-40 tahun	267	34.2
41 ke atas	84	10.8
	780	100

*c) Agama dan Taraf Pendidikan*

Responden yang beragama Islam adalah sebanyak 60.8% diikuti Kristian (32.9 %), Buddha (5.4%), dan lain-lain 0.9%. Dari segi kelulusan pula 67.1% berkelulusan sekolah menengah, 13.5% Ijazah pertama, Diploma 11.5%, 4.7% Sekolah rendah, 2.2% Ijazah lanjutan dan tidak bersekolah 0.8% seperti dalam Rajah 2.


**Rajah 2: Taraf Pendidikan (n =780)**



*d) Pekerjaan dan Pendapatan*

Dari segi pekerjaan pula 38.3% adalah kakitangan awam diikuti oleh pelajar (26.3%), nelayan (9.5%), peniaga (8.3%), petani/peladang (5.4%), bekerja sendiri (4.4%) suri rumah (1.8%) dan tidak bekerja (4.0%). Dari segi pendapatan pula, mereka yang memperolehi gaji RM1,000 ke bawah adalah sebanyak 50.4%. Ini diikuti mereka yang berpendapatan di antara RM 1,000-RM 2,000 (20.4%), di antara RM 3,000-RM4,000 (7.4%), di antara RM 2,000-RM3,000 (7.4%), sebanyak RM 4,00-RM (2.0%). Sila lihat Rajah 3.

**Rajah 3: Pendapatan Responden (n =780)**



## 1.7 Trend Mendengar Radio

### a) *Tempat Mendengar Radio*

Kebanyakan responden mendengar radio kurang dari 1 jam sehari (43.2%), 1 sehingga 3 jam (42.1%) dan di antara 3 hingga 5 jam (9.2%) dan 5 jam ke atas (5.5%) seperti dalam Jadual 4 (Jumlah 555 adalah responden yang ada mendengar radio daripada keluruhan 780 responden asal).

**Jadual 4:** Tempoh Responden Mendengar Radio  
(*n*=555)

<b>Tempoh Mendengar Radio</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Kurang dari 1 jam	240	43.2
1 - 3 jam	234	42.1
3 - 5 jam	51	9.2
5 jam ke atas	30	5.5
	555	100.00

### b) *Alat Mendengar Radio*

Responden banyak menggunakan radio transistor bagi mendengar radio (27%) diikuti dengan menggunakan telefon bimbit (20.4%), internet (19.1%), TV (18.7%) dan Radio Mini/MP3 Player (14.8 %) seperti dalam Jadual 5.

**Jadual 5:** Alat Mendengar Radio (*n*=555)

<b>Alat Mendengar Radio</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Radio Transistor	150	27
Radio Mini / MP3 Player	82	14.8
Internet (Komputer)	106	19.1
Televisyen	104	18.7
Telefon Bimbit	113	20.4
	555	100

## 1.8 Siaran Sabah FM

### a) *Responden Mendengar Mesej Pambangunan, Perpaduan Etnik/kaum dan Integrasi Nasional Sabah FM.*

Daripada 780 responden yang ditemubual/mengisi borang kaji selidik, seramai 639 (81.3%) menyatakan ada mendengar siaran radio sementara seramai 139 (17.8%) tidak mendengar radio dan 0.3% tidak memberi jawapan. Daripada sejumlah 639 responden yang mendengar radio seramai 555 responden (86.8%) ada mendengar Radio Malaysia Sabah sementara 84 responden (13.1%) mendengar radio lain. Dari sejumlah 555 responden yang mendengar Radio Malaysia Sabah, seramai 492 responden (63.1%) ada mendengar elemen-elemen pembangunan, perpaduan etnik/kaum dan integrasi nasional yang diuar-uarkan melalui Sabah FM dan 63 (11.35%) tidak mendengar mesej-mesej berkenaan. Sila Jadual 6.

**Jadual 6:** Responden Mendengar Mesej Pembangunan, Perpaduan Etnik/Kaum dan Integrasi Nasional Sabah FM ( $n=555$ )

Jawapan	Bilangan	Peratus (%)
Mendengar Mesej	492	88.6
Tidak mendengar Mesej	63	11.4
	<u>555</u>	<u>100.00</u>

*b) Mesej Pembangunan Melalui Segmen Sabah FM*

Melalui jawapan pelbagai soalan (*multiple question*) seramai 783 responden ada mendengar siaran elemen mesej pembangunan, perpaduan etnik dan kaum dan integrasi nasional melalui ke enam-enam segmen Sabah FM. Dari segi mesej pembangunan, Segmen *Segar Sabah fm* mendahului segmen-segmen lain dengan dengan skor 48.7%, diikuti oleh segmen *Bah Ngalah Tu* (22.4%), segmen *Simfoni* (9.5%) segmen *Ekspresi Sabah fm* (8.81%), segmen *Varia* (6.89%) dan *Automasi* 3.7% seperti dalam Jadual 7.

**Jadual 7:** Mesej Pembangunan ( $n=783$ )

Segmen	Bilangan	Peratus (%)
Segar sabah fm	381	48.7
Ekspresi sabah fm	69	8.81
Bah Ngamlah tu	176	22.4
Simfoni	74	9.5
Varia	54	6.89
Automasi	29	3.7
	<u>783</u>	<u>100.00</u>

c) *Mesej Perpaduan Etnik/Kaum Melalui Segmen Sabah FM*

Segmen *Segar Sabah fm* juga mendahului segmen-segmen yang lain dalam menyiarkan mesej perpaduan etnik dan kaum dengan skor 55.7% diikuti oleh *Ekspresi Sabah fm* dan *Simfoni* dengan pencapaian 12.4%, *Varia* 7.7% dan *Automasi* 5.0% seperti dalam Jadual 8.

**Jadual 8:** Mesej Perpaduan Etnik/ Kaum ( $n=718$ )

Segmen	Bilangan	Peratus (%)
Segar sabah fm	400	55.7
Ekspresi sabah fm	89	12.4
Bah ngamla tu	49	6.8
Simfoni	89	12.4
Varia	55	7.7
Automasi	36	5.0
	718	100.00

d) *Mesej Integrasi Nasional Melalui Segmen Sabah FM*

Dari segi menyiarkan elemen-elemen integrasi nasional, sekali lagi segmen *Segar Sabah fm* mendahului segmen-segmen lain dengan skor 46.6% diikuti oleh segmen *Bah Ngamlah Tu* (15.9%), *Simfoni* (14.6%), *Ekspresi Sabah fm* (12.4%), *Varia* 5.0% dan segmen *Automasi* 4.5%. Sila lihat Jadual 9.

**Jadual 9:** Mesej Integrasi Nasional ( $n=753$ )

Segmen	Bilangan	Peratus (%)
Segar Sabah fm	351	46.6
Ekspresi Sabah fm	93	12.4
Bah Ngamla tu	120	15.9
Simfoni	110	14.6
Varia	45	6.0
Automasi	34	4.5
	753	100.0

e) *Mesej Pembangunan, Perpaduan Etnik/Kaum dan Integrasi Nasional Melalui Program-Program Sabah FM*

Berita ringkas merupakan rancangan yang banyak didengar oleh responden dengan skor 60.9%. Ini diikuti oleh ulasan berita (13.4%), agama dan tazkirah (9.8%). Rancangan-rancangan yang lain berada di bawah paras 5% seperti *Warta Niaga*, *Sekilas Renungan*, *Laporan Parlimen*, *Program JASA*, *Bual Bicara* dan *Sorotan Minggu Ini*.

Program *Laporan Diari* dilihat banyak menyiarkan mesej perpaduan etnik dan kaum dengan skor 49.8% diikuti oleh *Cakapan Kita* (21.3%) diikuti oleh *Bah Apa Lagu Kamu* (9.1%). Rancangan-rancangan lain berkedudukan di bawah paras 7.0% seperti *Sepatah Kata*, *Nasyid Tempatan*, *Laporan Parlimen*, *Ekspresi Kombo*, *Wahyu Pilihan*, *Artis Kita Bah Ni*, *Teka Teki Paling Manang*, dan rancangan agama.

Bagi siaran mesej integrasi nasional rancangan *Diari Sana Sini* mendahului program-program lain dengan pencapaian 44.3% diikuti oleh *Mulanya Di Sini* (13.6%), *Laporan Parlimen* (12.1%) dan *Rentak Nusantara* (7.7%). Rancangan-rancangan lain adalah di bawah paras 7%, seperti *Zon Lagenda*, *Warta Niaga Agama/Tazkirah*, *Ulasan Berita*, *Berita Perundangan* dan *Laporan Parlimen*.

### **1.9 Siaran Sabah VFM**

#### *a) Responden Yang Mendengar Mesej Pembangunan, Perpaduan Etnik/Kaum dan Integrasi Melalui Segmen-Segmen Sabah VFM*

Siaran Sabah VFM menyaksikan daripada seramai 555 responden yang mendengar Radio Malaysia Sabah, seramai 368 (66.3%) ada mendengar elemen-elemen pembangunan, perpaduan etnik/kaum dan integrasi nasional melalui Sabah VFM dan pada waktu yang sama juga mendengar Sabah FM. Sejumlah 197 (33.7%) tidak mendengar elemen-elemen pembangunan, perpaduan kaum/etnik dan intregasi nasional. Jawaban daripada pelbagai soalan (*multiple questions*) menunjukkan segmen Dusun mendahului segmen-segmen lain dengan skor 29.8%, diikuti oleh segmen Bajau Pantai Barat (27.6%), segmen Bajau Pantai Timur (17.0%), Kadazan (15.6%), Cina (4.1%), Murut (3.4%) dan Inggeris (2.6%) seperti dalam Jadual 10.

**Jadual 10:** Mesej Pembangunan Perpaduan Etnik/ Kaum dan Integrasi Nasional Melalui Segmen-Segmen Sabah VFM ( $n=368$ )

Segmen	Bilangan	Peratus (%)
Dusun	109	29.8
Kadazan	57	15.6
Bajau Pantai Barat	101	27.6
Bajau Pantai Timur	62	17.0
Cina	15	4.1
Murut	13	3.4
Inggeris	11	2.6
	<u>368</u>	<u>100.00</u>

*b) Program-Program Dalam Segmen Dusun*

Bagi program-program dalam segmen Dusun, persembahan DJ (32.0%) mendahului yang lain dalam menyiarkan mesej-mesej pembangunan, perpaduan etnik/ kaum dan integrasi nasional. Ini diikuti dengan *Berita Dusun* (14.4%) dan *Hari Ini Dalam Sejarah* (12.3%). Kedudukan rancangan-rancangan lain adalah di bawah skor 10% seperti dalam Jadual 11.

**Jadual 11:** Program-Program Dalam Segmen Dusun ( $n=334$ )

Program	Bilangan	Peratus (%)
Persembahan DJ Bertugas	107	32.0
Hari Ini Dalam Sejarah	41	12.3
Bual Bicara	48	14.4
Berita	61	18.3
Sketsa/Drama	20	6.0
Sorotan Seminggu	32	9.6
Lagu-Lagu Patriotik	19	5.7
Hiburan	3	0.9
Agama	3	0.9
	<u>334</u>	<u>100.00</u>

*c) Program-Program Dalam Segmen Bajau Pantai Barat*

Bagi rancangan-rancangan segmen Bajau Pantai Barat pula menyaksikan *Persembahan DJ* termasuk hiburan, berada di tempat teratas dengan pencapaian 26.6% diikuti dengan *Hari ini Dalam Sejarah* dengan 18.8%, *Lagu-lagu Patriotik* 16.9%, *Berita* 14.7% dan program-program lain berada di bawah paras 8% seperti dalam Jadual 12.

**Jadual 12:** Program-Program Dalam Segmen Bajau Pantai Barat ( $n=516$ )

<b>Program</b>	<b>Bilangan</b>		<b>Peratus (%)</b>
Persembahan DJ bertugas	137		26.6
Hari Ini Dalam Sejarah	97		18.8
Bual bicara	41		7.9
Berita	76		14.7
Sketsa/Drama	21		4.1
Sorotan Seminggu	26		5.0
Lagu-lagu patriotik	87		16.9
Hiburan	15	2.9	
Agama	16		3.1
	<u>516</u>		<u>100.00</u>

*d) Program-Program Dalam Segmen Kadazan*

Bagi program-program dalam segmen Kadazan, siaran berita mendapat skor tertinggi (24.8%) dalam menyiarkan mesej-mesej pembangunan, perpaduan etnik/kaum dan perpaduan diikuti oleh *Persembahan DJ* dan *Bualbicara*, masing-masing mencapai markah 24.4% dan *Hari Ini Dalam Sejarah* 14.0%. Program-program lain berada di kedudukan 5%. Lihat Jadual 13.

**Jadual 13:** Program-Program Dalam Segmen Kadazan ( $n=250$ )

<b>Program</b>	<b>Bilangan</b>		<b>Peratus (%)</b>
Persembahan DJ bertugas	61		24.4
Hari Ini Dalam Sejarah	35		14.0
Bual Bicara	61		24.4
Berita	62		24.8
Sketsa/Drama	6		2.4
Sorotan seminggu	9		3.6
Lagu-lagu patriotik	7		2.8
Hiburan	2	0.8	
Agama	7		2.8
	<u>250</u>		<u>100.00</u>

*e) Program Murut, Cina dan Inggeris*

Bagi program segmen Murut pula menyaksikan berita berada di tempat teratas yang didengar responden dengan skor 26.6% diikuti dengan jumlah pencapaian 13.3% oleh *Persembahan DJ* termasuk rancangan hiburan, *Hari ini Dalam*



*Sejarah* dan *Lagu-lagu Patriotik*. Program-program lain berada di bawah 7% seperti rancangan *Bual Bicara*, *Sorotan Seminggu*, hiburan dan agama.

Bagi program segmen Cina, Persembahan DJ berada di tempat pertama dengan 69.7% diikuti dengan rancangan bual bicara (21.2%). Skor bagi rancangan-rancangan yang lain seperti berita, *Skesta*, *Sorotan Seminggu* dan lain-lain di bawah paras 5.0%.

Bagi program segmen Inggeris pula Persembahan DJ berada di tempat pertama dengan skor 51.9% diikuti oleh rancangan bual bicara (9.3%), Agama (8.5%), *Sorotan Seminggu* (8.5%) Berita dan *Hari Ini Dalam Sejarah* (7.0%), dan yang lain di bawah 7.0%.

## **PERBINCANGAN**

- 1.10 **Penyampaian mesej pembangunan, perpaduan kaum/etnik dan integrasi nasional.** Peranan Radio Malaysia Sabah dilihat masih lagi relevan dalam menyampaikan mesej-mesej kerajaan. Responden yang mendengar mesej pembangunan melalui segmen *Segar Sabah fm* seramai 48.7%, mesej perpaduan etnik/kaum 55.7% dan mesej integrasi nasional 46.6%. Kecuali mesej perpaduan etnik/kaum yang mencapai skor melebihi 50%, mesej-mesej yang lain diperhatikan hampir sampai ke angka tersebut. Ini memberi tafsiran bahawa, masih ada pendengar yang mengikuti dasar-dasar kerajaan yang diuar-uarkan oleh Radio Malaysia Sabah. Dari segi program pula berita ringkas mendapat skor 60% dibandingkan dengan rancangan-rancangan lain. Mesej perpaduan etnik/kaum yang disiarkan melalui Program *Laporan Diari Di Sana-Sini* juga dalam *segmen Sabah fm* yang melibatkan ke empat-empat stesen Sabah FM, Sandakan FM, Tawau FM dan Keningau FM keudara serentak mendapat skor sebanyak 49.8%. Bagi program yang sama (*Laporan Diari Di Sana-Sini*) juga mendapat skor untuk mesej integrasi nasional sebanyak 44.3%. Ini mungkin disebabkan ketika itu merupakan waktu puncak (6.00-9.00 pagi) kerana ramai pendengar sedang bersiap-siap ke tempat kerja atau sedang memandu/berada dalam kenderaan menuju ke tempat kerja. Kekuatan waktu inilah yang harus digunakan oleh Radio Malaysia Sabah bagi meningkatkan kreativiti persembahannya supaya prestasi segmen/program berkenaan boleh mencapai 50% ke atas mungkin ke tahap 80%.

Perkara ini harus diperhatikan oleh pihak pengurusan Sabah FM. Bagi Sabah VFM, kekuatannya ialah dalam program Persembahan DJ bertugas dan siaran berita dengan skor sekitar 30%. Bagaimanapun oleh kerana Sabah VFM merupakan satu-satunya siaran etnik, ini dilihat masih dilihat amat relevan dalam menyampaikan maklumat dan mesej-mesej kerajaan kepada sasaran pendengar kumpulan etnik masing-masing khususnya yang tinggal di kawasan luar bandar.

#### **1.11 Persepsi pendengar terhadap konsep pembangunan, perpaduan etnik/kaum dan integrasi nasional.**

Pelbagai persepsi pendengar terhadap makna pembangunan, perpaduan etnik/ kaum dan juga integrasi nasional. Antara tafsiran yang diberikan terhadap pembangunan ialah sebagai kemajuan fizikal seperti kemudahan-kemudahan asas seperti hospital, jalan raya dan sekolah; juga merangkumi pembangunan dari pelbagai aspek seperti sosio-ekonomi, perindustrian, kewangan, perindustrian, kerjaya, sosial yang perlu dirancang oleh kerajaan dan transformasi di peringkat individu, masyarakat, negeri dan negara. Pembangunan fizikal harus dilaksanakan seiring dengan pembangunan insaniah bagi melahirkan individu yang bersikap jujur, amanah bertanggungjawab dalam merealisasikan pembangunan negara keseluruhannya.

Pemahaman responden dari segi perpaduan etnik/kaum pula antara lain hidup bahagia dalam harmoni aman damai; berkerjasama dan toleransi tanpa mengira status agama, budaya dan suku kaum; hormat-menghormati di antara pelbagai kaum dan etnik di Sabah dan penyatuan pemikiran dan hati merentasi perbezaan budaya dan kumpulan etnik selaras dengan konsep 1Malaysia.

Elemen intregasi nasional pula disifatkan sebagai komunikasi yang baik di antara pelbagai kaum dalam usaha mewujudkan keserasian hubungan di antara wilayah Sabah, Sarawak dan Semenanjung; penyatuan amalan budaya dan sosial di antara wilayah sebagai satu identiti kebangsaan dan juga perkahwinan campur di antara penduduk Sabah, Sarawak dan Semenanjung dilihat sebagai integrasi sosial.

#### **1.12 Keberkesanan terhadap penyampaian elemen mesej pembangunan, perpaduan etnik/kaum dan integrasi nasional.**

Jawapan responden terhadap keberkesanan penyampaian mesej pembangunan, perpaduan etnik/kaum berdasarkan penilaian *skala likert* kebanyakannya berada di

peringkat sederhana diikuti dengan skala berjaya dan sangat berjaya bersilih ganti. Namun demikian, jika skor di skala berjaya dan sangat berjaya dijumlahkan markahnya mengatasi skor peringkat sederhana tadi. Umpamanya siaran waktu puncak segmen *Sabah Segar fm*, skor tertingginya di skala sederhana (19.9%) di bandingkan dengan skor di skala berjaya (17.1%) dan sangat berjaya (13.7%). Namun, jumlah kedua skor ialah 30.8% mengatasi skor sederhana (19.9%). Begitu juga mesej perpaduan etnik/kaum dalam segmen *Bah Ngamlah Tu* skor di peringkat sederhana ialah 24.5% sementara markah bagi skala berjaya 20.1% dan sangat berjaya 7.4%. Jumlah skor di tahap berjaya dan sangat berjaya ialah 27.5% mengatasi skor sederhana. Pola yang sama juga berlaku dalam segmen-segmen yang lain termasuk Sabah VFM.

### **RUMUSAN**

Mesej-mesej pembangunan, perpaduan etnik/kaum dan integrasi nasional yang utarakan melalui segmen dan program Sabah FM banyak diikuti pendengar di waktu puncak sementara melalui Sabah VFM mengikut waktu siaran yang telah ditetapkan. Pemahaman pendengar terhadap unsur-unsur pembangunan, perpaduan etnik/kaum dan integrasi nasional pelbagai termasuklah persepsi dari segi fizikal, insaniah dan pendekatan '*local knowledge*'. Dari segi impak, penyampaian mesej elemen-elemen pembangunan, perpaduan etnik/kaum dan integrasi nasional melalui Sabah FM dan Sabah VFM boleh disifatkan sebagai positif walaupun kebanyakan skor tidak mencapai tahap 50%. Ini berdasarkan melalui kaedah *skala likert*, skor berjaya dan sangat berjaya melebihi skor di peringkat sederhana yang menunjukkan siaran Sabah FM dan Sabah VFM masih relevan. Bagaimanapun nafas baru dengan pendekatan kreatif dan inovatif wajar diterapkan ke atas siaran Radio Malaysia Sabah, khususnya di waktu puncak agar dapat memikat hati dan jiwa para belia mengikut mesej-mesej berkaitan dengan perpaduan, pembangunan negara dan cintakan tanah air melalui siaran radio RTM.

### **RUJUKAN**

- Chew Fong Peng. 2009. *Prural Culture and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian.
- Eunice Kijana. 2012. *A General Assessment of the Independent Ethnic Radio Broadcasting Stations in Kenya*. International Journal of Business and Social Science. Vol.3. No. 8 (Special Issue-April 2012).

- Guimary, L.D.1974. *Information Campaigns in a Development Nation*. Kuala Lumpur: Ministry of Information.
- Guibernau, Monsterral & John Rex. 1999. Dlm *Hubungan Etnik*. p.6.Malaysia: Peason.
- Habermas, J. 1962. *The Structural Transformation of the Public Sphere*. Cambridge: Polity Press.
- Hazman Hassan, 2012. Konsep-Konsep Asas Hubungan Etnik. *Hubungan Etnik*. p. 105-106. Malaysia: Peason.
- Ismail Yusoff, 2012. Konsep-Konsep Asas Hubungan Etnik. *Hubungan Etnik*. p. 6. Malaysia: Peason.
- Jamison, D.T & McAnny, E.G.1978. *Radio for Education and Development*. Beverly Hills: Sage Publication.
- Jaafar Kamin.1982. *Media Massa dan Peranan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah. 2005. *Retrospeksi RTM Sabah 1995-2005*.Kota Kinabalu: RTM Sabah.
- Mohd Koharuddin Bin Mohd Balwi.2005. *Pembangunan Luar Bandar di Malaysia: Gerakan Desa Wawaswan (GDW) Sebagai Mekanisme Pembangunan Masyarakat Luar Bandar*. Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia. 42 (E). 31-48.
- Karthigesu, R. 1994. *Two Decades of Developmaent of Television Malaysia and Its Contribution to Nation Building*. Disertasi Ph.D. Centre for Mass Communication Research, Univrsity of Leicester.
- Philip McMichael. 2004. *Development and Social Change*.London: Pine Forge Press.
- Paredes, Milagros.1973. *Reaching the Rural Filipino*. Dlm. Media Asia. Vol.3.No.4
- Roger, E.M.1986. *Communication Technology: The New Media in Society*. New York: The Free Press.
- Sawaluddin Anis. 1992. *Radio Sebagai Alat Komunikasi Pembangunan: Satu Tinjauan Khalayak Radio 3 Pulau Pinang*. Dlm Jurnal Komunikasi Jilid 8 1992. p 79- 89.
- Sinha, D. & Kao, H.S.R.1988. *Social Values and Development: Asian Perspectives*. India: Sage Publications.
- Songca, E.I.1978. *Broadcasting in the Philippines: Involvement in Development*. *Media Asia*. 5(4), 214-220.
- Sulaiman M. 1983. *Peranan Media Mass di Negara-Negara Membangun*. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana (M) Sdn. Bhd.

Tofler, A. 1991. *Third Wave*. NewYork: Market Paperback.

Valeria Alia.2009. Indigenous Radio in Canada. In *Radio Critical Concepts in Media and Cultural Studies*. London and New York: Routledge.

Varghese, B.G.1981. *A Philosophy for Development Communication: The View From India*. Media Asia 5(4), 214-34.

Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi. Diakses pada 10 Ogos 2016 melalui <http://www.statistics.gov.my/portal/downloadPopulation/files/census2010/Taburan>.